

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANYI NGAU  
[ BARAM ]**

**TARIKH : 26.10.2015 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : 19**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah keberkesanan usaha serta program-program di bawah pihak Kementerian di dalam membantu membina serta membaik pulih rumah golongan kurang berupaya dari kalangan masyarakat Penan di kawasan Baram.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) membina serta membaik pulih rumah untuk golongan miskin tegar dan miskin di luar bandar melalui Program Bantuan Rumah (PBR). Objektif utama PBR adalah untuk meningkatkan kualiti hidup keluarga dengan menyediakan tempat kediaman yang lebih selamat dan selesa sebagai asas pertumbuhan sesebuah keluarga.

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke sepuluh (RMKe-10), iaitu dari tahun 2011 sehingga tahun 2015, KKLW telah menyalurkan peruntukan sebanyak **RM386.6juta** bagi pelaksanaan PBR di seluruh negeri Sarawak. Sepanjang tempoh pelaksanaan tersebut, sebanyak **4,598 unit rumah bina baru telah dibuat dan 14,775 unit telah dibaik pulih**. Bagi pelaksanaan PBR tahun 2015, pihak Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk pelaksanaan PBR Sarawak dengan sasaran **267 unit bina baru** dan **1,666 unit untuk baik pulih**.

Dalam tempoh RMKe-10, sejumlah **RM9.6 juta** telah diperuntukkan bagi kawasan Baram di bawah PBR. Daripada peruntukan ini, sejumlah **514 unit rumah telah dibina atau dibaik pulih.**